

Lelaki cederakan, ugut bunuh abang ipar dipenjara 13 bulan

SIBU: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 13 bulan ke atas seorang lelaki atas pertuduhan mendatangkan kecederaan serta mengugut membunuh abang iparnya.

Majistret Romario Jonoi terdahulu menjatuhkan hukuman penjara tujuh bulan terhadap tertuduh, Lee Khang Chuan, 39, bagi pertuduhan mendatangkan kecederaan dan penjara enam bulan lagi bagi pertuduhan mengugut.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara itu berkuat kuasa daripada tarikh sabit kesalahan semalam.

Lee terdahulu didakwa mendatangkan kecederaan serta mengugut hendak membunuh abang iparnya itu di sebuah rumah di Jalan Huo Ping pada 6 Mac 2025, jam 9 malam.

Sehubungan itu, tertuduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 323 Kanun keseksaan di mana sabit kesalahan hendaklah dipenjara hingga tujuh tahun atau

bersama Seksyen 326A kanun yang sama bagi pertuduhan mendatangkan kecederaan.

Sabit kesalahan di bawah seksyen ini, tertuduh boleh dipenjara hingga setahun atau denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

Sementara bagi pertuduhan mengugut, dia dituduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 506 Kanun keseksaan di mana sabit kesalahan hendaklah dipenjara hingga tujuh tahun atau

denda atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan fakta kes, pengadu melihat suaminya iaitu tertuduh menumbuk abang kandungnya di bahagian muka menggunakan tangan, selain mengugut hendak membunuh mangsa.

Pengadu kemudian membuat laporan polis dan pada 6 Mac 2025, jam lebih kurang 11.10 malam, pihak polis telah menangkap tertuduh di rumahnya di Jalan Huo Ping bagi membantu siasatan.